

07 JUL 2001

Mahathir-Parti

DR MAHATHIR YAKIN BN JADI SATU PARTI SAHAJA

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau yakin satu hari nanti Barisan Nasional (BN) akan menjadi satu parti tunggal dan bukan lagi satu parti campuran seperti sekarang.

Dr Mahathir berkata sudah ada perkembangan yang menjurus ke arah ini khususnya di Sabah yang menyaksikan pelbagai parti di negeri itu menerima kaum-kaum yang wujud.

"Saya yakin lama kelamaan BN akan menjadi satu parti dan bukan lagi satu parti campuran," katanya pada ucap-tama di Konvensyen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Pengerusi BN itu berkata Umno sendiri telah menerima kaum Kadazan dan kaum Cina (daripada Parti Akar di Sabah yang dibubarkan pada Mei lepas) sebagai anggota parti.

"Ini adalah satu perkembangan yang perlu diberi perhatian oleh parti-parti BN yang lain iaitu tidak mengutamakan kaum tertentu sahaja tetapi memberi tempat kepada kaum-kaum lain juga," katanya.

Beliau berkata BN sejak dulu lagi mempunyai matlamat pembentukan satu bangsa Malaysia kerana "BN adalah parti bangsa Malaysia".

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengakui perkara ini akan mengambil masa untuk menjadi realiti kerana perlu berlaku beberapa perubahan seperti memastikan taraf ekonomi yang seimbang antara semua kaum dan mengikis perasaan curiga sesama mereka.

"Dengan persamaan ini, kecurigaan dikurangkan dan kerjasama antara parti-parti BN dapat ditingkatkan sehingga faktor kaum tidak menjadi faktor yang terlalu besar. Kita akan mengambil masa tetapi inilah matlamat kita," kata Dr Mahathir.

BN yang dibentuk pada 1974 kini dianggotai oleh 13 parti komponen dan sejarahnya bermula daripada zaman Parti Perikatan sebelum negara mencapai kemerdekaan.

-- BERNAMA

RV SHS MAM PR